

Headline **MySTI Expo 2011 tekan kepada inovasi**  
Date **01 Aug 2011**  
MediaTitle **Utusan Sarawak**  
Section **EKONOMI**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **37,981 / 113,943**

Language **Malay**  
Page No **b2**  
Article Size **141 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **320**  
PRValue **960**



# MySTI Expo 2011 tekan kepada inovasi

KUALA LUMPUR, Ahad — Peserta industri dan orang awam dijangka mendapat pemahaman yang lebih mengenai kepentingan inovasi dalam menggerakkan Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi dengan pelancaran Ekspo Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MySTI) 2011, di sini, hari ini.

Ekspo tiga hari anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu juga disasarkan untuk memberi ilham kepada mereka yang mempunyai idea untuk menukarnya menjadi produk atau perkhidmatan bagi pasaran tempatan dan global.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Datuk Saifuddin Abdullah, yang melancarkan acara itu di Pusat Konvensyen Kuala

Lumpur (KLCC), di sini berkata ekspo tersebut yang akan memperkenalkan pembangunan teknologi baharu juga akan mengukuhkan kedudukan negara di tengah-tengah perubahan pesat yang berlaku di seluruh dunia hari ini.

Sains, teknologi dan inovasi merupakan penentu utama dalam era baharu ini yang mana lebih dinamik berbanding era-era sebelum ini yang sering dicirikan oleh dasar tertutup, birokrasi dan kekurangan bakat, kata Saifuddin.

Semasa majlis itu, 16 syarikat tempatan daripada pelbagai industri juga diberikan lesen pindahan teknologi oleh Malaysian Institute of Microelectronics Systems (MIMOS) Bhd, penganjur

bersama ekspo tersebut.

Lesen itu akan membolehkan mereka memindahkan pelbagai platform teknologi MIMOS menjadi produk akhir.

Sementara itu, pengunjung juga boleh mengunjungi PIKOM Digital Lifestyle Expo 2011 (DLE 2011) yang diadakan di venue yang sama dengan MySTI Expo. Ekspo itu akan mempamerkan pelbagai produk digital daripada elektronik pengguna kepada gajet terkini.

Dianjurkan oleh PIKOM, persatuan ICT nasional Malaysia, DLE 2011 tahun ini dijangka menarik sejumlah 100,000 pengunjung, kata pengerusi persatuan itu Datuk Wei Chuan Beng. — Bernama